

**NO. SOALAN : 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : WAN HASSAN MOHD RAMLI**  
**[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 10 OGOS 2017 ( KHAMIS )**

**Wan Hassan Mohd Ramli [ DUNGUN ]** meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca dan langkah penyelesaian krisis di antara mantan Pengerusi Felda Global Ventures dengan CEO Felda Global Ventures.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlu ditegaskan di sini bahawa perkembangan semasa yang berlaku di FGV bukanlah bersifat peribadi di antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutifnya tetapi ianya melibatkan masalah dalaman iaitu tadbir urus syarikat.

Masalah yang dilaporkan oleh FGV adalah melibatkan tunggakan hutang oleh pelanggan iaitu Safitex yang berpusat di Dubai. FGV kini sedang menjalankan proses siasatan dalaman terhadap empat pengurusan kanan termasuk Ketua Pegawai Eksekutifnya.

Mengenai perkembangan semasa FGV baru-baru ini, kerajaan telah melantik Dato' Seri Idris Jala untuk membuat siasatan bebas. Cadangan daripada badan bebas kepada FGV antaranya adalah untuk fokus kepada tiga perkara iaitu mengukuhkan tabdir urus korporat dan kawalan perniagaannya, menjalankan semakan perniagaan secara komprehensif dan juga menjalankan siasatan dalaman dengan penuh integriti. Menerusi tindakan-tindakan ini, Kerajaan yakin isu ini dapat diselesaikan dengan segera mengikut proses perundangan yang ditetapkan.

Berikutan dari itu, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob telah dilantik menjadi Pemangku Pengerusi FGV bagi menggantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang telah meletakkan jawatan.

Di peringkat dalaman FGV, Lembaga Pengarah telah melantik Dato' Khairil Anuar Aziz memangku tugas Ketua Pegawai Eksekutif bagi menggantikan Jawatankuasa Lembaga Eksekutif (BEC) yang diumumkan sebelum ini. Dato' Khairil berperanan memastikan operasi perniagaan berjalan seperti biasa sementara proses siasatan dalaman (*Domestic Inquiry - DI*) dijalankan terhadap Ketua Pegawai Ekekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan dua lagi Pengurusan Kanan.

Berkenaan dengan proses siasatan dalaman, FGV telah melantik tiga panel bebas untuk menjalankan siasatan bermula 24 Julai 2017 bagi memastikan semua proses dijalankan secara telus dan mengikut undang-undang.

FGV juga telah mengumumkan dua wakil FELDA untuk menduduki kerusi Lembaga Pengarah FGV iaitu Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Harun dan Encik Ab Ghani Mohd Ali. Manakala Datuk Muzammil sebagai Pengarah gantian. Ini akan memberi ruang kepada FELDA untuk memainkan peranan lebih besar dalam FGV dan dalam masa yang sama menjaga kepentingan Peneroka.

Langkah-langkah ini dilihat mampu memulihkan kemelut yang melanda FGV dengan segera sekali gus memberi ruang kepada FGV terus fokus kepada penambahbaikan operasi perniagaannya.

Sekian. Terima kasih.